



## **MAJLIS DAERAH PEKAN (IKLAN JAWATAN KOSONG)**

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur yang berkelayakan sahaja bagi mengisi kekosongan jawatan **TETAP** di Majlis Daerah Pekan

- a) **Nama dan Gred Jawatan** : **Pegawai Tadbir Gred N 41**
- b) **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pengurusan dan Profesional**
- c) **Jadual Gaji** : **Gaji Minimum : RM 2,080.00**  
**Gaji Maksimum : RM 9,546.00**  
**Kenaikan Gaji : RM 225.00**  
**Tahunan**
- d) **Syarat Iantikan :**
- Warganegara Malaysia
  - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
  - i) ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan ialah Gred N41 : RM 2,080.00) ; atau
  - ii) ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM 2,283.43 );
  - iii) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**e) Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

- Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a)
  - i) mempunyai kelayakan di perenggan d; atau
  - ii) lulus peperiksaan khas; dan
- b) had umur pelantikan;
  - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun; atau
  - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**f) Penetapan Gaji Permulaan**

- Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan

**Deskripsi Tugas :**

Melaksanakan dasar, operasi dan sumber rujukan iaitu:

- Merancang pelaksanaan dan pengawalan sumber tugas operasi
- Menjalankan tugas-tugas keurusetiaan
- Desk Officer bagi tugas yang dijalankan
- Penyeliaan stas sokongan dibawah seliaan
- Membimbing dan memberi khidmat nasihat

**g) Cara Memohon:**

Permohonan hendaklah dikemukakan bersama dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut ;

- i) Borang Permohonan Jawatan Kosong boleh dimuat turun dari laman Web. Majlis Daerah Pekan  
([http://www.mdpekan.gov.my/sites/default/files/webform/eborang/iklan\\_jawatan\\_kosong.pdf](http://www.mdpekan.gov.my/sites/default/files/webform/eborang/iklan_jawatan_kosong.pdf));
- ii) Surat Perakuan Ketua Jabatan ;
- iii) Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;
- iv) Satu (1) salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini (**2015, 2016 dan 2017**) yang telah disahkan
- v) Satu (1) salinan **Kenyataan Perkhidmatan** yang telah dikemaskini dan disahkan
- vi) Disertakan juga **salinan kad pengenalan, sijil –sijil akademik, dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan dan gambar berwarna berukuran pasport (terbaru)** sebagaimana yang disyaratkan .

**1. Alamat Permohonan Dan Tarikh Tutup**

Permohonan yang telah lengkap perlulah dikemukakan selewat-lewatnya pada 12 Mac 2018 kepada :

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH PEKAN  
JALAN MAHKOTA,  
26600 PEKAN, PAHANG.**

**2. Catatan Am**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga
- b) Permohonan yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan diterima selepas tarikh tutup iklan tidak akan dipertimbangkan

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 12 MAC 2018**

Ruj. Iklan : 1/4/0014 SJ 2  
Tarikh iklan : 21 Februari 2018